

Kedudukan Melayu mesti diperkukuh

KUALA LUMPUR, Ahad — Pergerakan Pemuda Umno Malaysia hari ini memberi amaran keras kepada sesetengah pihak supaya jangan memutarbelitkan isu pengubahan dasar ekonomi negara selepas 1990 hingga ia boleh menimbulkan ketegangan kaum.

Naib ketuaanya, Encik Hashim Saffin, berkata ada pihak berhujah bahawa orang Melayu memperolehi semua keistimewaan dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB) di perjumpaan sult dan pentas-pentas politik mereka.

"Kita ingin memberi amaran bahawa isu ini jangan dipertandingkan dengan tujuan mengeliminasi timbul ketegangan dalam masyarakat," katanya ketika berucap merasmikan majlis penutup Kongres Ekonomi anjuran Biro Ekonomi pergerakan itu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, petang ini.

Encik Hashim berkata pergerakan itu menyedari hakikat bahawa sejak merdeka hingga penubuhan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) baru-baru ini, orang Melayu sentiasa bertolak ansur dalam menggubal dasar ekonomi negara.

Bagaimanapun, katanya, pengubahan dasar

itu selepas 1990 nanti mesti berteraskan jaminan kepada pengukuhan ekonomi orang Melayu sebagai bangsa induk negara ini.

Katanya: "Pegangan Pemuda ialah kedudukan orang Melayu mesti kukuh dalam ekonomi negara dan kita tidak rela menjadi bangsa yang lemah dalam bidang itu,".

Ketuanan

Bagi mencapai matlamat berkenaan, katanya, orang Melayu bukan saja memerlukan kadar 30 peratus dalam dasar ekonomi tetapi strategi jitu perlu disediakan bagi mengembalikan ketuanan bangsa dalam bidang berkenaan.

Mengenai orang Melayu sendiri, Encik Hahsim berkata, mereka seharusnya bekerja lebih kuat dan mengurangkan persengketaan sesama sendiri serta bersatu hati untuk mencapai kejayaan ekonomi yang lebih baik.

Turut hadir di majlis itu ialah Ketua Pegerakan Pemuda Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Naib Presiden Umno, Datuk Abdullah Ahmad Badawi.